

29 JUL 1997

INDUSTRI AUTOMOBIL KITA PERLUKAN PERLINDUNGAN, KATA MAHATHIR

LANGKAWI, 29 Julai (Bernama) -- Negara-negara membangun yang sedang memajukan industri automobil mereka memerlukan sedikit sebanyak perlindungan walaupun terdapat seruan untuk pasaran terbuka, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata memandangkan industri itu berintensifkan modal dan memerlukan pelaburan besar, mereka "memerlukan sedikit sebanyak perlindungan" untuk hidup dalam industri kereta sejagat yang begitu berdaya saing.

Negara-negara membangun tidak seharusnya ditakut-takutkan daripada menerokai ke dalam industri automobil, katanya semasa mempengerusikan satu sesi perbincangan mengenai "Teknologi Untuk Ekonomi-ekonomi Sedang Muncul" pada hari kedua Dialog Antarabangsa Langkawi 1997 (LID '97) di sini.

"Bila Malaysia menceburi industri pembuatan kereta dalam 1983/84, kami memerlukan perlindungan kerajaan," katanya secara terus terang.

Dr. Mahathir berkata demikian apabila mengulas penyampaian oleh ketua pegawai eksekutif dan naib pengerusi (strategi) Perusahaan Otomobil Nasional (Proton), Tengku Mahaleel Tengku Ariff yang bercakap mengenai perkongsian bijak antara Proton dengan Lotus dari United Kingdom.

Secara bersahaja, Perdana Menteri menyamakan mereka yang enggan memindahkan teknologi tidak ubah seperti bomoh Melayu zaman silam yang tidak menurunkan rahsia "perubatan" mereka kepada orang lain.

"Kadang kala, mereka menurunkannya kepada anak pinak, sering kali mereka tidak berbuat demikian, bila mereka mati, rahsia tersebut mati bersama-sama mereka," katanya sambil menambah bahawa akibatnya, tiada "pemindahan teknologi."

Dalam penyampaiannya, Tengku Mahaleel berkata bahawa pemansuhan pengatur atau pengawalseliaan memang memberi peluang tetapi ia turut membawa bersama-samanya sedikit ancaman sehingga ada syarikat automobil -- yang tidak dapat berhadapan dengan persaingan -- terpaksa gulung tikar.

Umpamanya, di Korea Selatan, industri kereta di kawalselia dengan ketat, begitu juga di Indonesia," katanya.

Selain itu, terdapat lebih keupayaan dalam perniagaan itu, satu gambaran keadaan yang wujud sejak empat hingga lima tahun lalu.

Sambil memberikan gambaran mengenai pelaburan besar yang diperlukan oleh industri pembuatan automobil dan risiko-risiko yang mengiringinya, Tengku Mahaleel berkata bahawa "untuk menubuhkan sebuah kilang bersaiz sederhana, jika anda tidak mempunyai AS\$1 bilion (RM2.6 bilion), lebih baik anda duduk di rumah."

"Untuk mengeluarkan sebuah model baru bermula daripada sifar, kira-kira AS\$800 juta hingga AS\$1 bilion (RM2.08 bilion-RM2.6 bilion) diperlukan... itulah risiko yang perlu dihadapi oleh industri ini."

Selain itu, industri sejagat merancang untuk mengeluarkan 80 juta buah kereta setahun, tetapi permintaan cuma untuk 60 juta, memberikan lebih kapasiti sebanyak 20 juta buah kereta.

Itulah antara cabaran yang dihadapi oleh Proton yang membuat keputusan bahawa strategi bagi menghadapi dilema sedemikian ialah untuk menjadi bebas dari segi teknologi dan dapat mengeluarkan produk yang diperlukan oleh pasaran.

"Sejak 11 tahun lalu Proton adalah pemasang kereta yang baik... kira-kira 20,000 komponen dipasang dalam kereta... enam tahun lalu kami memajukan acuan sendiri dan membangunkan sistem vendor kami sendiri,"

katanya.

"Tetapi kereta yang kami keluarkan adalah hibrid...sukar bagi kami untuk mendapatkan satu premium dalam pasaran melalui hibrid, jadi kami bergantung besar kepada pihak ketiga untuk penyelidikan dan pembangunan.

"Ianya tidak mencukupi bagi kami untuk bergerak ke hadapan... saya mempunyai 5,000 kakitangan yang perlu digerakkan untuk ke hadapan dan salah satu cara ialah melalui teknologi dan di sinilah peranan Lotus.

Pada asasnya Lotus adalah sebuah syarikat perunding kejuruteraan... ia menghadapi masa depan yang tidak menentu dan mereka mempunyai 1,000 orang jurutera yang baik dan memiliki banyak paten kejuruteraan dan satu jenama yang baik, tambahnya.

Sejak enam bulan lalu, "kami telah bekerja dalam banyak projek dan yang terbesar ialah untuk mengeluarkan secara bersama kereta baru berjenama sendiri menggunakan reka bentuk kami sendiri," kata Tengku Mahaleel.

Walaupun "kami anggap kami akan perolehi pengetahuan daripada Lotus memandangkan kepakarannya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi, penerokaan itu sebenarnya menjadi perkongsian dua hala kerana Lotus turut mempelajari daripada kami."

"Lotus tidak melengkungkan logam, kami melengkung logam, mereka melengkung komposit, itu satu pengalaman yang dipelajari. Apa yang mereka keluarkan dalam setahun kami keluarkan dalam masa tiga hari," katanya. --

BERNAMA

MR SIA